



TEKS UCAPAN

**YBRS. TUAN SHAHMAN BIN JALALUDIN
YANG DIPERTUA
MAJLIS PERBANDARAN SELAYANG**

DI

**MAJLIS PERHIMPUNAN BULAN OGOS
DAN SAMBUTAN KEMPEN KIBAR JALUR GEMILANG
SERTA PROGRAM GOTONG-ROYONG EKSA
PERINGKAT MAJLIS PERBANDARAN SELAYANG
TAHUN 2025**

**18 OGOS 2025 (ISNIN) | 8:30 PAGI
DATARAN MPS**

Terima kasih pengacara majlis.

Assalamualaikum wbt, Salam Sejahtera, Salam Selayangku Sayang dan Salam Malaysia MADANI.

Yang Berusaha Tuan Haji Az'har bin Samsuri

Timbalan Yang Dipertua Majlis Perbandaran Selayang

Yang Dihormati Dato' Ir. Haji Cheremi bin Haji Tarman

Dato' Orang Kaya Maha Bijaya Gombak,

Orang Besar Daerah Gombak

Yang Dihormati Ahli-Ahli Majlis,

Majlis Perbandaran Selayang

Pengarah-pengarah jabatan, pegawai-pegawai, seterusnya tuan-tuan dan puan-puan warga MPS yang dikasihi sekalian.

*Dua tiga kucing berlari,
Mana sama si kucing belang,
Bersyukur kita pagi ini,
Bersama kibarkan Jalur Gemilang.*

1. Alhamdulillah, dipanjatkan setinggi-tinggi kesyukuran ke hadrat Allah SWT kerana dengan izin-Nya, kita dapat berkumpul pada pagi ini dalam suasana penuh harmoni dan muhibah, di Majlis Perhimpunan Bulan Ogos dan Sambutan Kempen Kibar Jalur Gemilang Peringkat MPS sempena Hari Kebangsaan dan Hari Malaysia serta Gotong Royong EKSA MPS Tahun 2025.
2. Terlebih dahulu, saya merakamkan ucapan syabas dan tahniah kepada Jabatan Pengurusan Sisa Pepejal dan Kesihatan selaku hos Majlis Perhimpunan pada kali ini.
3. Seperti mana pada bulan-bulan terdahulu, saya amat menghargai usaha setiap warga jabatan yang dipertanggungjawabkan untuk menjadi hos Majlis Perhimpunan Bulanan MPS atas komitmen tinggi yang telah ditunjukkan, termasuk merancang pelbagai agenda yang menarik demi memastikan kelancaran perjalanan majlis ini.

Yang Dihormati Dato', tuan-tuan dan puan-puan,

4. Bulan Ogos sentiasa membawa makna besar kepada kita semua, mengingatkan akan sejarah perjuangan, pengorbanan, dan keberanian para pejuang kemerdekaan yang membolehkan kita hidup sebagai rakyat merdeka. Tahun ini, sambutan Hari Kebangsaan ke-68 bertemakan “**Malaysia Madani: Rakyat Bersama, Negara Sejahtera**”, yang menyeru kita memperkukuh perpaduan, saling menghormati, dan berganding bahu demi kemajuan negara.
5. Tema sambutan tahun ini juga mengajak kita menghayati enam nilai teras MADANI iaitu kemampanan, kesejahteraan, daya cipta, hormat, keyakinan, dan ihsan dalam kehidupan seharian. Nilai-nilai ini amat relevan dalam konteks pentadbiran kerajaan tempatan kerana ia menggariskan keperluan perkhidmatan yang berintegriti, responsif, dan berpaksikan kesejahteraan masyarakat.

6. Ingatlah, kemerdekaan bukan sekadar bebas daripada penjajahan. Kemerdekaan adalah peluang membina masa depan atas dasar acuan kita sendiri. Ia adalah hak untuk rakyat hidup aman, mencari rezeki, mendapat pendidikan, dan mengamalkan agama tanpa gangguan.
7. Kemerdekaan juga merupakan amanah. Amanah untuk mempertahankan kedaulatan, memelihara keamanan, dan menjadikan negara ini terus makmur. Ia adalah warisan yang wajib kita jaga, bukan sahaja untuk hari ini, tetapi untuk generasi akan datang.
8. Sejarah membuktikan, kemerdekaan dicapai melalui keberanian, kesatuan, dan pengorbanan yang tiada tolok banding. Justeru, kita sebagai generasi pewaris harus menghargai nikmat ini dengan cara menjaga perpaduan, mematuhi undang-undang, dan melaksanakan tanggungjawab sebagai rakyat Malaysia yang baik.

Hadirin yang saya hormati,

9. Jalur Gemilang bukan sekadar lambang negara, tetapi cerminan identiti dan kedaulatan tanah air. Sehubungan itu, bagi menyemarakkan sambutan Kempen Kibar Jalur Gemilang bersempena Hari Kemerdekaan dan Hari Malaysia pada tahun ini, kita akan turut meraikannya bersama-sama pada hari ini di peringkat MPS.
10. Saya juga ingin mengambil peluang untuk berkongsi inti ucapan YAB Dato' Seri Amirudin Shari, Dato' Menteri Besar Selangor, semasa Majlis Pelancaran Kempen Kibar Jalur Gemilang Peringkat Negeri Selangor yang telah berlangsung pada 4 Ogos 2025.
11. Beliau menekankan bahawa, kemerdekaan bukan sekadar kibaran bendera, tetapi juga pelan strategik dan komitmen jangka panjang demi kemajuan bersama. Berikutan itu, beliau turut menjelaskan hala tuju negeri Selangor menjelang 2026 melalui pelan pembangunan seperti Rancangan Selangor Pertama (RS-1) dan inisiatif *Selangor Smart State*.

12. Sebagai pengisian acara sempena sambutan kempen ini, akan diadakan acara penyerahan Jalur Gemilang kepada Ahli Majlis, diikuti pemasangan Jalur Gemilang pada kenderaan rasmi MPS sebagai langkah simbolik untuk menyemarakkan lagi semangat patriotisme dalam kalangan warga MPS serta komuniti perbandaran Selayang.
13. Oleh yang demikian, saya menyeru semua pihak untuk menyahut seruan kerajaan dengan mengibarkan Jalur Gemilang sepanjang tempoh pelaksanaan kempen sehingga 16 September 2025. Seruan ini ditujukan kepada bangunan kerajaan, premis perniagaan, premis swasta, rumah kediaman, jabatan, agensi, institusi pendidikan, sektor swasta, dan komuniti di seluruh kawasan pentadbiran MPS.
14. Marilah kita bersama-sama menghiasi bangunan, kawasan perumahan, serta kenderaan dengan Jalur Gemilang. Biarlah Selayang menjadi contoh sebuah bandar yang berseri-seri dengan kibaran warna kebanggaan negara, sekali gus membangkitkan rasa cinta kepada tanah air.

15. Bagi memeriahkan lagi sambutan kemerdekaan pada tahun ini, MPS julung-julung kalinya menganjurkan Pertandingan Meow Merdeka 2025 terbuka kepada semua kakitangan MPS. Menerusi pertandingan ini, penyertaan akan dinilai berdasarkan hantaran video aksi kucing kesayangan dengan peragaan busana bertemakan kemerdekaan.
16. Diharapkan Pertandingan Meow Merdeka MPS 2025 dapat menambah kemeriahan sambutan Bulan Kemerdekaan sambil memupuk kreativiti dan semangat patriotisme dalam kalangan warga MPS serta pencinta haiwan.

Hadirin sekalian,

17. Bagi memastikan persediaan terbaik menjelang sesi Pengauditan Dalaman EKSA yang akan dilaksanakan pada 27 Ogos hingga 8 September 2025, pada hari ini akan diadakan Program Gotong-Royong EKSA di setiap zon-zon EKSA MPS. Justeru, saya menyeru agar semua kakitangan dapat memberikan kerjasama sepenuhnya dalam menjayakan gotong-royong ini.

18. Saya percaya, dengan wujudnya semangat kebersamaan, rasa tanggungjawab, dan keprihatinan terhadap persekitaran kerja yang kondusif bukan sahaja akan membantu kita mencapai keputusan audit yang cemerlang, malah turut membina budaya kerja yang positif, produktif, dan membanggakan.
19. Sebelum saya mengakhiri ucapan ini, saya ingin merakamkan setinggi-tinggi penghargaan kepada Jabatan Pengurusan Sisa Pepejal dan Kesihatan, yang bertindak sebagai hos perhimpunan bulanan pada kali ini.
20. Saya berharap Jabatan Pengurusan Sisa Pepejal dan Kesihatan terus memperkukuh fungsi dan komitmennya, demi mengekalkan kebersihan dan kesihatan bandar, memberikan keselesaan serta keselamatan kepada seluruh komuniti Selayang, dan seterusnya memantapkan imej serta kesejahteraan bandar dengan dedikasi dan profesionalisme yang tinggi.

21. Akhir kata, marilah kita hayati erti kemerdekaan dengan semangat yang membara. Kibarkan Jalur Gemilang dengan penuh keghairahan, dan laksanakan tanggungjawab kita sebagai penjawat awam dengan dedikasi sepenuhnya, demi kemajuan serta kesejahteraan negara dan masyarakat.

*Kalau roboh kota Melaka,
Papan di Jawa saya dirikan,
Kalau sudah merdeka negara,
Mari bersama kita pertahankan.*

Dengan lafaz Bismillahirrahmanirrahim, saya merasmikan Kempen Kibar Jalur Gemilang Peringkat MPS Tahun 2025.

Selamat Menyambut Hari Kebangsaan ke-68.

Sekian, terima kasih.

Assalamualaikum WBKT dan Salam Sejahtera.